

Warga peneroka kini bijak ambil peluang

Star 3/7/2011 ms 13.

PENEROKA di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) hari ini tidak lagi dibelenggu kemiskinan berdasarkan purata pendapatan mereka yang tidak kurang daripada RM3,000 sebulan.

Pengurus Besar Felda Wilayah Jengka, Shaari Din berkata, sasaran menjadikan mereka golongan kelas pertengahan dari sudut pendapatan adalah satu penanda aras kejayaan kepada Felda dalam meningkatkan taraf hidup golongan peneroka.

Shaari berkata, kejayaan itu adalah bukti golongan peneroka di dalam tanah rancangan telah mampu berdiri di atas kaki sendiri demi masa depan mereka tanpa terlalu mengharap kepada Felda atau kerajaan.

"Mereka bukan lagi golongan miskin kerana jumlah purata pendapatan mereka jelas membuktikan mereka telah keluar daripada belenggu itu.

"Malah ramai di antara mereka yang bijak mengambil peluang yang disediakan oleh pihak Felda dan berjaya menambah pendapatan mereka daripada purata RM3,000 kepada RM10,000 sebulan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Shaari berkata, pihak pengurusan di Felda menyokong dan cuba membantu dengan skim yang disediakan oleh Felda kepada mana-mana peneroka yang ingin memajukan diri terutamanya dalam bidang perniagaan.

Dalam pada itu, bercerita mengenai pembangunan Felda Wilayah Jengka, Shaari berkata, hari ini semua kelengkapan dan kemudahan asas seperti sistem perparitan, perumahan, sekolah, masjid dan sebagainya adalah lengkap untuk kesejahteraan mereka.

Malah katanya, pihak Felda sedang membangunkan sebuah



Felda sentiasa memantau golongan peneroka dalam usaha untuk membantu mereka menjana ekonomi.

aktiviti ekonomi masyarakat di situ.

"Ini bukan sahaja untuk kepentingan masyarakat di sini tetapi juga sebagai batu loncatan untuk menarik masyarakat luar untuk datang ke Jengka.


"Potensi mereka dalam dunia perniagaan adalah tinggi kerana

tetapi fokus turut diberikan kepada generasi belia kerana mereka adalah kesinambungan kepada generasi pertama," katanya yang turut memberitahu lebih 5,000 golongan belia dijangka hadir pada hari istimewa itu.

Mengulas lanjut mengenai

mengikuti kategori bagi menghargai sumbangan dan jasa mereka.

"Harapan saya adalah supaya hari peneroka pada kali ini adalah sesuatu yang dapat dikenang oleh semua masyarakat Felda yang bakal hadir dari seluruh negara," ujarnya.



SHAARI DIN



Malan katanya, pihak Felda sedang membangunkan sebuah projek perumahan kos rendah dan sederhana di atas tanah seluas sembilan hektar di Jengka 11 dan 19 untuk dijual kepada peneroka.

Katanya lagi, pihaknya juga sedang dalam perancangan membina apartmen empat tingkat di Jengka 11 untuk mana-mana peneroka yang berminat dengan harga berpatutan.

"Projek pertama melibatkan 246 unit buah rumah kos rendah dan sederhana sedang dalam pembinaan dan akan dibuka untuk jualan kepada peneroka selepas 80 peratus siap," ujarnya.

Katanya, di Pusat Bandar Jengka sendiri, 80 peratus daripada peniaga adalah penduduk Felda dan pihaknya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Maran serta kerajaan negeri merancang untuk menjadikan Jengka sebagai pusat perniagaan bagi merancakkan

Potensi mereka dalam dunia perniagaan adalah tinggi kerana mempunyai pelbagai produk dan perkhidmatan yang boleh disediakan kepada masyarakat luar," ujarnya.

Sambutan Hari Peneroka 2011 akan dikenang

Bercerita lanjut mengenai sambutan Hari Peneroka 2011 dengan tema Melestarikan Kesejahteraan Peneroka, Shaari memberitahu sambutan di peringkat kebangsaan ini akan mengimbau kepada sejarah pembangunan Felda terutamanya di Jengka bagi memberikan kesedaran kepada generasi kedua:

Fokus kepada pendidikan dan kemahiran golongan belia juga turut diberikan penekanan bagi membolehkan mereka mencapai potensi diri di peringkat luar.

"Walaupun sambutan adalah bagi meraikan peneroka Felda

Mengulas lanjut mengenai golongan belia, Shaari berkata, di Wilayah Jengka sendiri peratusan golongan belia yang mengganggu adalah tidak sampai lima peratus dan penggunaan ayat pengganggu tidak sesuai digunakan.

"Walaupun ada di antara mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap tetapi mereka masih membantu menguruskan ladang yang dimiliki oleh keluarga mereka. Jadi boleh dikatakan ada aktiviti yang dilakukan oleh mereka untuk menjana pendapatan," ujarnya.

Dalam pada itu, Shaari berkata, kemuncak sambutan Hari Peneroka 2011 akan diakhiri dengan pengumuman pemenang Felda terbersih dengan hadiah bernilai RM1 juta.

Selain itu, pelbagai anugerah seperti pingat khidmat bakti, sekolah bestari dan sebagainya akan diberikan kepada pemenang

Golongan belia bertuah

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Wilayah Jengka, Mohd Nasharuddin Mat Nasir memberitahu, golongan belia di Felda sepatutnya berasa bertuah kerana semua kemudahan pada hari ini telah lengkap untuk mereka.

Mohd Nasharuddin berkata, pihak Felda juga sentiasa menjaga kebajikan dan mendengar segala rungutan mereka bagi memastikan mereka tidak terjebak dengan aktiviti tidak sihat yang akhirnya akan merosakkan masa depan mereka.

"Dengan segala kemudahan yang telah disediakan adakalanya akan membuatkan mereka tidak menghargai dan menjadi tugas kami untuk memastikan mereka sentiasa sedar dan diberi perhatian

NASHARUDDIN MAT NASIR

supaya tidak mudah hanyut," katanya yang bertanggungjawab terhadap golongan belia di 37 tanah rancangan di situ.

Katanya lagi, Majlis Belia Wilayah Jengka juga turut memberi fokus aktiviti yang boleh melibatkan golongan belia supaya mereka tidak rasa terasing dan terlibat dalam komuniti.

"Mereka adalah generasi kedua Felda yang perlu diberi perhatian kerana pembangunan pada masa depan bergantung kepada keupayaan mereka bagi membangunkan Felda.

"Pelbagai aktiviti diaturkan bagi membolehkan masa mereka terisi dengan pelbagai aktiviti malah rondaan dan keselamatan di dalam kawasan tanah rancangan pada tengah malam turut dipertanggungjawabkan kepada mereka," katanya.

Selain itu, menurut Mohd Nasharuddin, pihaknya juga sedang melihat alternatif kepada semua golongan belia yang masih menetap di dalam tanah rancangan untuk menempatkan mereka dalam tanah kosong bagi membolehkan mereka bergantung kepada diri mereka sendiri.

Pihak Felda juga katanya turut menyediakan skim pinjaman usahawan bagi mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan sendiri.

"Peluang mereka untuk bergerak maju terbuka luas dan diharap mereka akan sentiasa menyokong apa yang dilakukan oleh Felda demi kebaikan mereka pada masa akan datang," ujarnya.



Kelas menjahit turut disediakan bagi golongan wanita sebagai latihan kemahiran untuk mereka memajukan diri.



Anak warga peneroka turut tidak ketinggalan mengikuti setiap latihan dan kursus kemahiran yang disediakan.